

# KENYATAAN MEDIA

***Untuk siaran segera***

## KONTRAKTOR INGKAR SOP BOLEH DIBATALKAN PENDAFTARAN

***Kes penularan di tapak bina menjangkaui 4,000 kes positif***

**Kuala Lumpur, 21 DISEMBER 2020:** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menggesa penggiat industri pembinaan untuk mematuhi arahan semasa dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mencegah penularan kes COVID-19 di tapak pembinaan. Ini adalah ekoran daripada peningkatan penularan kes positif COVID-19 di tapak pembinaan di seluruh negara, khususnya di Lembah Klang.

Ekoran daripada peningkatan kes penularan COVID-19 di tapak pembinaan, CIDB akan mempergiatkan lagi pelaksanaan aktiviti pemeriksaan tapak pembinaan. Jika projek pembinaan didapati tidak mematuhi SOP, kontraktor berkenaan boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 34B(1)(c) dan Seksyen 34C(1) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520), yang mewajibkan pihak kontraktor memastikan keselamatan bangunan dan kerja pembinaan samada semasa atau selepas pembinaan. Antara tindakan yang boleh diambil oleh CIDB sekiranya pihak kontraktor gagal mematuhi SOP yang ditetapkan adalah mengeluarkan arahan berhenti kerja terhadap tapak bina tersebut. Selain itu, kontraktor terbabit juga akan menghadapi tindakan tatatertib yang boleh mengakibatkan mereka dikenakan penalti dan pendaftaran mereka digantung atau dibatalkan.

Setakat ini jumlah kes di tapak pembinaan telah menjangkaui 4,000 kes positif. Hasil siasatan CIDB dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapat kenaikan mendadak kes COVID-19 di tapak-tapak pembinaan berpunca daripada kontak rapat dengan kluster sedia ada dan kes jangkitan akibat pekerja binaan di bawah subkontraktor berpindah daripada satu tapak pembinaan kepada tapak yang lain. Selain itu, penularan

COVID-19 juga didapati berpunca di penempatan pekerja yang padat, tidak mengamalkan penjarakan sosial dan keadaan tempat penginapan yang tidak bersih.

“CIDB memandang berat situasi ini kerana ianya satu perkara yang amat membimbangkan. Justeru itu, kami ingin menekankan bahawa semua kontraktor mempunyai tanggungjawab untuk memastikan tapak pembinaan dan penempatan pekerja mereka mematuhi SOP Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Antara SOP yang wajib dipatuhi oleh setiap projek pembinaan termasuk, memastikan semua pekerja warga asing menjalani ujian saringan COVID-19 dan disahkan bebas dari jangkitan,” kata Datuk Ir. Ahmad ‘Asri, Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB.

Sejak 20 April sehingga 17 Disember, penguatkuasa CIDB telah menjalankan sebanyak 13,977 pemeriksaan yang melibatkan 7,996 tapak pembinaan di seluruh negara. Dari jumlah tersebut, sebanyak 7,840 (98%) telah mula beroperasi, manakala 158 (2%) tidak beroperasi. Dari jumlah tapak yang telah beroperasi, sebanyak 7,522 (96%) didapati mematuhi SOP, manakala 318 (4%) didapati tidak mematuhi SOP.

Kes-kes positif COVID-19 dilihat meningkat berikutan arahan oleh MKN baru-baru ini untuk mewajibkan kesemua pekerja warga asing di dalam sektor pembinaan di negeri PKPB menjalani ujian RTK Antigen. Dengan pengesanan ini, kes-kes positif dan kontak rapat mereka boleh diasingkan bagi mengelakkan penularan wabak tersebut.

“Selain mematuhi SOP yang ditetapkan oleh MKN, kontraktor juga digesa mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 (Akta 446) dalam menyediakan tempat tinggal dan kemudahan kepada pekerja. Pematuhan SOP bukan sahaja penting untuk mencegah penularan wabak COVID-19, malah turut dapat mengelakkan kerugian kepada kontraktor dan juga klien untuk jangka masa panjang,” tambahnya lagi.

SOP terkini boleh dirujuk di laman web MKN <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-pkp-pemulihan/>. Maklumat lanjut berkenaan SOP dan Garis Panduan industri pembinaan boleh didapati menerusi Telegram rasmi CIDB Malaysia <https://t.me/cidbmy>, laman web rasmi CIDB di [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my) atau hubungi hotline CIDB **03-5567 3300**.

---

### Mengenai CIDB

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti*

*industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

#####